

### YouGov Subscription Products Terms & Conditions

### Terma & Syarat Produk Langganan YouGov

1 Basis of agreement	1 Dasar perjanjian
<p>1.1 These terms and conditions (the “<b>Terms</b>”), together with the order form, any statement of work or other document incorporating the Terms by reference (the “<b>Order</b>”) signed by the Client and YouGov forms the entire agreement between the YouGov company named on the Order (“<b>YouGov</b>”) and the Client named on the Order (the “<b>Client</b>”). Each Order will include a description of the YouGov data product subscription/s purchased by the Client (the “<b>Subscription Products</b>”) including the duration of the Subscription Products subscription (the “<b>Subscription Term</b>”). Any other terms and conditions shall be of no effect. In the event of any conflict between the Order and these Terms, the provisions in the Order will prevail.</p> <p>1.2 Any defined terms used in these Terms shall have the meaning set out in the Order or these Terms (together “the <b>Agreement</b>”).</p>	<p>1.1 Terma dan syarat (“<b>Terma</b>”) ini bersama dengan borang pesanan, mana-mana pernyataan kerja atau dokumen lain yang merangkumi Terma melalui rujukan (“<b>Pesanan</b>”) yang ditandatangani oleh Klien dan YouGov membentuk keseluruhan perjanjian antara syarikat YouGov yang disebutkan dalam Pesanan (“<b>YouGov</b>”) dan Klien yang disebutkan dalam Pesanan (“<b>Klien</b>”). Setiap Pesanan akan memasukkan penerangan mengenai langganan produk data YouGov yang dibeli oleh Klien (“<b>Produk Langganan</b>”) termasuk tempoh langganan Produk Langganan (“<b>Terma Langganan</b>”). Sebarang terma dan syarat lain akan terbatal. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara Pesanan dan Terma ini, peruntukan dalam Pesanan akan diguna pakai.</p> <p>1.2 Sebarang istilah ditakrifkan yang digunakan dalam Terma ini akan mempunyai maksud yang dinyatakan dalam Pesanan atau Terma ini (bersama-sama “<b>Perjanjian</b>”).</p>
2 YouGov’s Obligations	2 Kewajipan YouGov
<p>2.1 YouGov shall use commercially reasonable endeavours to make the Subscription Products available on a 24x7 basis subject to any downtime necessary for essential maintenance. YouGov will provide at least 24 hours’ notice to the Client of anticipated temporary unavailability and shall wherever possible carry out work outside working hours (GMT). The Client’s sole remedy for any interruption in the availability of the Subscription Products for any other reason due to the fault of YouGov shall be a pro-rata extension of the term of the Client’s subscription.</p> <p>2.2 YouGov may provide updates and make improvements to the Subscription Products from time to time.</p>	<p>2.1 YouGov akan menggunakan usaha yang munasabah dari segi komersial untuk membolehkan Produk Langganan tersedia setiap masa (24 jam, 7 hari) tertakluk kepada sebarang masa henti yang diperlukan untuk penyelenggaraan penting. YouGov akan memberikan notis sekurang-kurangnya 24 jam kepada Klien mengenai jangkaan ketiadaan sementara dan, di mana mungkin, akan menjalankan kerja di luar waktu bekerja (GMT). Penyelesaian tunggal Klien untuk sebarang gangguan dalam ketersediaan Produk Langganan atas sebab lain akibat kesalahan YouGov ialah lanjutan tempoh langganan Klien secara pro-rata.</p> <p>2.2 YouGov boleh memberikan kemas kini dan melakukan penambahbaikan pada Produk Langganan dari semasa ke semasa.</p>
3 Authorised uses	3 Penggunaan diizinkan
<p>3.1 Where necessary for the receipt of such Services, the Client may provide individuals employed by the Client, or its Affiliates within the brand(s) specified in the relevant Order, with access to the relevant Subscription Products (each, an “<b>Authorised User</b>”). The Client shall provide YouGov with an updated list of Authorised Users every 3 months after the start of the Subscription term.</p> <p>3.2 Solely relating to the brand specified in the relevant Order, Authorised Users may:</p> <p>3.2.1 download and print content from the Subscription Products (“<b>YouGov Content</b>”) and distribute such content within the Client’s organisation for internal use only;</p> <p>3.2.2 create new material derived from YouGov Content combined with other materials provided by the Client (“<b>New Material</b>”);</p> <p>3.2.3 distribute limited extracts, which may include numbers or charts, from YouGov Content (“<b>Limited Extracts</b>”) to a limited audience comprising the Client’s end clients or prospective clients but not the general public; and</p>	<p>3.1 Sekiranya perlu untuk penerimaan Perkhidmatan tersebut, Klien boleh memberi akses kepada Produk Langganan yang relevan kepada individu yang digaji oleh Klien atau Afiliasinya dalam jenama yang ditentukan dalam Pesanan yang berkaitan (masing-masing, “<b>Pengguna Berdaftar</b>”). Klien akan memberi YouGov senarai terkini Pengguna Berdaftar setiap 3 bulan selepas bermulanya tempoh Langganan.</p> <p>3.2 Hanya berkaitan dengan jenama yang dinyatakan dalam Pesanan yang berkaitan, Pengguna Berdaftar boleh:</p> <p>3.2.1 memuat turun dan mencetak kandungan daripada Produk Langganan (“<b>Kandungan YouGov</b>”) dan mengedarkan kandungan tersebut dalam organisasi Klien untuk kegunaan dalaman sahaja;</p> <p>3.2.2 membuat bahan baharu yang diperolehi daripada Kandungan YouGov yang digabungkan dengan bahan lain yang diberi oleh Klien (“<b>Bahan Baharu</b>”);</p> <p>3.2.3 mengedarkan ekstrak terhad, yang mungkin merangkumi nombor atau carta, daripada Kandungan YouGov (“<b>Ekstrak Terhad</b>”) kepada khalayak terhad yang terdiri daripada pelanggan akhir Klien atau bakal Klien tetapi bukan kepada orang awam; dan</p>

3.2.4 subject to the approval process and attribution requirements in the below clause (**publication approval service**), publish New Material and/or Limited Extracts in press releases and similar publications.

3.2.4 tertakluk kepada proses kelulusan dan syarat penghargaan dalam klausa di bawah (**perkhidmatan kelulusan penerbitan**), menerbitkan Bahan Baharu dan/atau Ekstrak Terhadap dalam siaran akhbar dan penerbitan yang serupa.

4 Restrictions on use	4 Sekatan penggunaan
4.1 Neither the Client, nor any Authorised User may:	4.1 Klien mahupun Pengguna Berdaftar tidak boleh:
4.1.1 re-distribute or make available to third parties any part of the Subscription Products or extract any software or scripts from the Subscription Products except as permitted in this Agreement; or	4.1.1 mengedarkan semula atau menyediakan kepada pihak ketiga mana-mana bahagian Produk Langganan atau mengekstrak mana-mana perisian atau skrip daripada Produk Langganan kecuali seperti yang dibenarkan dalam Perjanjian ini; atau
4.1.2 remove, obscure or modify any copyright or other notices included in the Subscription Products nor any metadata or digital rights management intelligence that may be associated with the Subscription Products; or	4.1.2 menghapus, mengabur atau mengubah hak cipta atau notis lain yang ada dalam Produk Langganan atau mana-mana metadata atau kecerdasan pengurusan hak digital yang mungkin berkaitan dengan Produk Langganan; atau
4.1.3 systematically scrape, crawl, harvest, retrieve or otherwise gather by electronic means any data or other content to copy, create, acquire or compile - directly or indirectly, in single or multiple downloads - a collection, compilation, database, directory or similar.	4.1.3 mengikis, menyusup, menuai, mengambil atau selain itu mengumpulkan secara sistematik dengan cara elektronik mana-mana data atau kandungan lain untuk menyalin, membuat, memperoleh atau menyusun - secara langsung atau tidak langsung, dalam satu atau beberapa muat turun - koleksi, penyusunan, pangkalan data, direktori atau yang serupa.
4.2 Nothing in this Agreement shall be construed as allowing the use of the Subscription Products, or any extracts from the Subscription Products, to create a derivative work, product or service which:	4.2 Tiada apa dalam Perjanjian ini yang boleh ditafsirkan sebagai membenarkan penggunaan Produk Langganan atau apa-apa ekstrak daripada Produk Langganan untuk menghasilkan karya, produk atau perkhidmatan terbitan yang:
4.2.1 infringes the Intellectual Property Rights of YouGov or its licensors;	4.2.1 melanggar Hak Harta Intelek YouGov atau pemberi lesennya;
4.2.2 is a commercially competitive work, product or service or part thereof which competes with or could be substituted for a work, product or service provided by YouGov; or	4.2.2 merupakan karya, produk atau perkhidmatan yang kompetitif secara komersial atau sebahagian daripadanya yang bersaing dengan atau boleh diganti dengan karya, produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh YouGov; atau
4.2.3 otherwise damages the commercial interests of YouGov.	4.2.3 sebaliknya merosakkan kepentingan komersial YouGov.
4.3 The Client shall take commercially reasonable technical and organisational steps to restrict access to the Subscription Products to Authorised Users only, and to ensure that Authorised Users do not share or disclose passwords; and shall report any unauthorised disclosure, access, cyber security breaches or sharing of passwords to YouGov promptly to enable YouGov to take remedial steps. YouGov may use appropriate technical protection measures and / or audits to control access and/or to detect unauthorised use of the Subscription Products.	4.3 Klien perlu mengambil langkah teknikal dan organisasi yang wajar secara komersial untuk menyekat akses ke Produk Langganan kepada Pengguna Berdaftar sahaja, dan untuk memastikan bahawa Pengguna Berdaftar tidak berkongsi atau mendedahkan kata laluan; dan akan melaporkan sebarang pendedahan, akses, pelanggaran keselamatan siber atau perkongsian kata laluan tanpa izin kepada YouGov dengan segera untuk membolehkan YouGov mengambil langkah pembetulan. YouGov boleh menggunakan langkah-langkah perlindungan teknikal dan/atau audit yang sesuai untuk mengawal akses dan/atau untuk mengesan penggunaan tanpa izin Produk Langganan yang tidak dibenarkan.
4.4 Should the number of users increase substantially above the number originally anticipated at the time the Order is signed and upon which the pricing is based, the Client shall promptly report this to YouGov and pay YouGov for the additional access equal to a pro rata amount of the Client's subscription fee. Thereafter, the parties shall, in good faith, negotiate an increased price based upon the new number of users.	4.4 Sekiranya bilangan pengguna meningkat dengan ketara melebihi jumlah jangkaan awal pada masa Pesanan ditandatangani dan berdasarkan harganya, Klien perlu melaporkannya dengan segera kepada YouGov dan membayar YouGov untuk akses tambahan yang sama dengan jumlah pro rata daripada yuran langganan Klien. Selepas itu, semua pihak hendaklah, secara jujur, merundingkan kenaikan harga berdasarkan jumlah baru pengguna.
4.5 In the event that the Client fails to report a substantial increase in its use of the Subscription Products, YouGov may, at its discretion and without prejudice to any other remedy, suspend or terminate access. Additionally, YouGov may charge the Client for the additional access at the full rate card price.	4.5 Sekiranya Klien gagal melaporkan peningkatan ketara dalam penggunaan Produk Langganan, YouGov boleh, mengikut budi bicaranya dan tanpa menjejaskan mana-mana remedi lain, menggantung atau menamatkan akses. Selain itu, YouGov boleh mengenakan bayaran kepada Klien untuk akses tambahan pada harga kad kadar penuh.

- 4.6 YouGov or its nominee accountants or auditors may upon reasonable notice inspect and audit the Client's use of the Subscription Products under an Order at any time during its term. All audits will be conducted during regular business hours, no more frequently than once in any 12-month period and in a manner that does not unreasonably interfere with the Client's business operations. The Client shall make available all such books, records, equipment, information, and personnel and provide all such cooperation and assistance as may reasonably be requested by or on behalf of YouGov with respect to such audit. If the audit determines that the Client's use of the Services exceeded the usage permitted by the relevant Order, the Client shall pay to YouGov all reasonable costs incurred by YouGov in conducting the audit in addition to YouGov's other remedies.
- 4.6 YouGov atau akauntan atau juruauditnya yang dilantik boleh, dengan notis yang sewajarnya, memeriksa dan mengaudit penggunaan Produk Langganan oleh Klien di bawah Pesanan pada bila-bila masa sepanjang tempohnya. Semua audit akan dilakukan pada waktu perniagaan biasa, tidak lebih daripada sekali dalam tempoh 12 bulan dan tidak mengganggu operasi perniagaan Klien dengan cara yang tidak munasabah. Klien perlu menyediakan semua buku, rekod, peralatan, maklumat dan personel tersebut dan memberikan semua kerjasama dan pertolongan yang mungkin diminta dengan sewajarnya oleh atau bagi pihak YouGov berhubung dengan audit tersebut. Sekiranya audit tersebut memutuskan bahawa penggunaan Perkhidmatan oleh Klien melebihi penggunaan yang dibenarkan oleh Pesanan yang berkaitan, Klien perlu membayar kepada YouGov semua kos munasabah yang ditanggung oleh YouGov dalam menjalankan audit sebagai tambahan kepada remedi YouGov yang lain.

5 Publication approval service	5 Perkhidmatan kelulusan penerbitan
<p>5.1 The Client may publish, communicate and make available to the public, via the internet or other publicly accessible electronic media, press releases and other documents making reference to YouGov as the source of the research ("<b>Public Document(s)</b>") provided that the Client complies with the following quality assurance process:</p>	<p>5.1 Klien boleh menerbitkan, berkomunikasi dan menyediakan tersedia kepada orang awam, melalui Internet atau media elektronik lain yang dapat diakses secara terbuka, siaran akhbar dan dokumen lain yang merujuk kepada YouGov sebagai sumber penyelidikan ("<b>Dokumen Awam</b>") dengan syarat Klien mematuhi proses jaminan kualiti berikut:</p>
<p>5.1.1 the Client sends a draft of the Public Document to YouGov as an email attachment to YouGov's email address as shown on the Order;</p>	<p>5.1.1 Klien menghantar draf Dokumen Awam kepada YouGov sebagai lampiran e-mel ke alamat e-mel YouGov seperti yang ditunjukkan pada Pesanan;</p>
<p>5.1.2 YouGov will review for accuracy in relation to the description of the methodology used and respond with material corrections by email to the Client within 2 working days of receipt (provided that it is two sides of A4 or less and the Client acknowledges that it will take longer if the Public Document is longer than two sides of A4);</p>	<p>5.1.2 YouGov akan mengkaji ketepatan berhubung dengan perihalan metodologi yang digunakan dan memberi maklum balas dengan pembetulan yang material melalui e-mel kepada Klien dalam masa 2 hari bekerja dari tarikh penerimaan (dengan syarat bahawa ia kedua-dua belah saiz A4 atau kurang dan Klien maklum bahawa ia akan memakan masa lebih lama jika Dokumen Awam lebih panjang daripada kedua-dua belah saiz A4);</p>
<p>5.1.3 the Client may publish the Public Document incorporating YouGov's corrections, with attribution to YouGov as the source research agency;</p>	<p>5.1.3 Klien boleh menerbitkan Dokumen Awam yang merangkumi pembetulan YouGov, dengan penghargaan kepada YouGov sebagai sumber agensi penyelidikan;</p>
<p>5.1.4 where Subscription Products are being provided in the UK, the Client acknowledges that YouGov, as a member of the UK British Polling Council, is required to, and will, display data tables relating to the Public Document on YouGov's online platform; and</p>	<p>5.1.4 di mana Produk Langganan diberikan di UK, Klien mengakui bahawa YouGov, sebagai anggota Majlis Tinjauan British UK, diwajibkan, dan akan, memaparkan jadual data yang berkaitan dengan Dokumen Awam di platform dalam talian YouGov; dan</p>
<p>5.1.5 all Public Documents must contain an attribution to YouGov in the following form: "Source: [insert YouGov company name] [insert year of creation] © All rights reserved" but YouGov reserves the right to waive or prohibit such acknowledgement.</p>	<p>5.1.5 semua Dokumen Awam mesti mengandungi penghargaan kepada YouGov dalam bentuk berikut: "Sumber: [masukkan nama syarikat YouGov] [masukkan tahun ciptaan] © Hak cipta terpelihara" tetapi YouGov berhak untuk menyetujui atau melarang penghargaan tersebut.</p>
<p>5.2 If for any reason a Public Document is made public without undergoing the process set out in this clause, YouGov reserves the right to issue a press release with a version of the Public Document incorporating YouGov's corrections (and may include some, or all, of the information set out below); and</p>	<p>5.2 Sekiranya atas apa jua sebab Dokumen Awam dijadikan umum tanpa menjalani proses yang dinyatakan dalam klausa ini, YouGov berhak untuk mengeluarkan siaran akhbar dengan versi Dokumen Awam yang merangkumi pembetulan YouGov (dan mungkin termasuk beberapa, atau semua, maklumat yang dinyatakan di bawah); dan</p>
<p>5.2.1 Notwithstanding its confidentiality obligations, YouGov may, upon becoming aware of publication, at its discretion release any information from a survey that sets data published by the Client into context, including but not limited to, sampling and weighting data, the precise questions asked, the full answer options provided to respondents, and the percentages of people, both overall and in the relevant subgroups, who responded to each answer option.</p>	<p>5.2.1 Walau apa pun kewajipan kerahsiaannya, YouGov mungkin, setelah mengetahui tentang penerbitan, mengikut budi bicaranya menerbitkan apa-apa maklumat daripada tinjauan yang menetapkan data yang diterbitkan oleh Klien ke dalam konteks, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pengambilan sampel dan pemberatan data, soalan tepat yang diajukan, pilihan jawapan yang lengkap yang diberikan kepada responden, dan peratusan orang, secara keseluruhan dan juga dalam subkumpulan yang berkaitan, yang telah menjawab setiap pilihan jawapan.</p>

6 Third Party Agreement (TPA) for Agency Client	6 Perjanjian pihak ketiga (TPA) untuk Klien Agensi
<p>6.1 Where the Client is an agency providing services to end customers (“<b>End Customers</b>”) such Client is an agency client (“<b>Agency Client</b>”). The Agency Client may only use Subscription Products in support of business conducted on behalf of, or recommended to, an End Customer as expressly stated in the Order. For instance, without limitation, the Agency Client may not provide its End Customer with: feeds to Subscription Products; or access via the Agency Client’s passwords; or substantial extracts in digital, hard copy or other form, unless previously agreed otherwise in the relevant Order.</p>	<p>6.1 Sekiranya Klien ialah agensi yang memberikan perkhidmatan kepada pelanggan akhir (“<b>Pelanggan Akhir</b>”), Klien tersebut ialah klien agensi (“<b>Klien Agensi</b>”). Klien Agensi hanya boleh menggunakan Produk Langganan untuk menyokong perniagaan yang dilakukan bagi pihak, atau disarankan kepada, Pelanggan Akhir seperti yang dinyatakan secara jelas dalam Pesanan. Sebagai contoh, tanpa had, Klien Agensi tidak boleh memberikan Pelanggan Akhirnya: suapan ke Produk Langganan; atau akses melalui kata laluan Klien Agensi; atau ekstrak penting dalam bentuk digital, salinan cetak atau bentuk lain, kecuali yang sebelumnya dipersetujui dalam Pesanan yang berkaitan.</p>
<p>6.2 Neither the Agency Client nor its End Customer may publish YouGov Content without prior approval from YouGov in accordance with the publication approval service set out set out herein.</p>	<p>6.2 Klien Agensi mahupun Pelanggan Akhirnya tidak boleh menerbitkan Kandungan YouGov tanpa persetujuan daripada YouGov terlebih dahulu selaras dengan perkhidmatan kelulusan penerbitan yang dinyatakan di sini.</p>
<p>6.3 The Client acknowledges that access provided in breach of clause 6.1 is unauthorised use for the purposes of clause 4.</p>	<p>6.3 Klien mengakui bahawa akses yang melanggar klausa 6.1 ialah penggunaan tanpa izin untuk tujuan klausa 4.</p>
<p>6.4 YouGov reserves the right to pursue either the Agency Client or the End Customer(s) specified in the Order for all payments due under the Order.</p>	<p>6.4 YouGov berhak untuk mendesak Klien Agensi atau Pelanggan Akhir yang dinyatakan dalam Pesanan untuk semua pembayaran yang perlu dibayar di bawah Pesanan.</p>
7 Fees and payment	7 Yuran dan pembayaran
<p>7.1 All fees, charges and expenses will be set out in the Order and shall be quoted, invoiced and paid in the currency stated on the Order.</p>	<p>7.1 Semua yuran, caj dan perbelanjaan akan dinyatakan dalam Pesanan dan akan diberi sebut harga, diinvois dan perlu dibayar dalam mata wang yang dinyatakan dalam Pesanan.</p>
<p>7.2 YouGov shall invoice the Client as set out in the Order. If the Order does not set out the invoicing schedule, YouGov shall invoice the Client in full upon commencement of the Subscription Products.</p>	<p>7.2 YouGov akan memberi invois kepada Klien seperti yang dinyatakan dalam Pesanan. Sekiranya Pesanan tidak menetapkan jadual penginvoisan, YouGov akan mengeluarkan invois kepada Klien sepenuhnya apabila bermulanya Produk Langganan.</p>
<p>7.3 All invoices are payable in full within 30 days from the date an invoice is received.</p>	<p>7.3 Semua invois perlu dibayar sepenuhnya dalam tempoh 30 hari dari tarikh invois diterima.</p>
<p>7.4 All fees are subject to the addition of applicable sales tax or service tax, which the Client shall pay to YouGov at the prevailing rate.</p>	<p>Semua yuran adalah tertakluk kepada penambahan cukai penjualan atau cukai perkhidmatan yang berkenaan, di mana Klien perlu membayar kepada YouGov pada kadar semasa.</p>
<p>7.5 The fees are exclusive of all disbursements and other incidental expenses incurred by YouGov on behalf of the Client with the Client’s prior written approval.</p>	<p>7.5 Yuran tidak termasuk semua pembayaran dan perbelanjaan sampingan lain yang ditanggung oleh YouGov bagi pihak Klien dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Klien.</p>
<p>7.6 All amounts due from the Client under this Agreement shall be paid in full without any set-off, counterclaim, deduction or withholding (other than any deduction or withholding of tax as required by law). If any such withholding or deduction is required, the Client shall, when making the payment to which the withholding or deduction relates, pay YouGov such additional amount as will ensure that YouGov receives the same total amount that it would have received if no such withholding or deduction had been required.</p>	<p>7.6 Semua jumlah yang perlu dijelaskan oleh Klien di bawah Perjanjian ini hendaklah dibayar sepenuhnya tanpa sebarang tolak selesai, tuntutan balas, potongan atau penahanan (selain daripada apa-apa potongan atau penangguhan cukai seperti yang dikehendaki oleh undang-undang). Sekiranya ada penangguhan atau pemotongan sedemikian diperlukan, Klien perlu, ketika membuat pembayaran yang berkaitan dengan penangguhan atau pemotongan, membayar YouGov jumlah tambahan untuk memastikan bahawa YouGov menerima jumlah yang sama seperti yang YouGov akan terima jika tiada penangguhan atau pemotongan seperti itu diminta.</p>
<p>7.7 Without prejudice to YouGov’s other rights, YouGov reserves the right to:</p>	<p>7.7 Tanpa menjejaskan hak YouGov yang lain, YouGov berhak untuk:</p>
<p>7.7.1 charge interest, including compound interest, at the maximum annual rate permitted by law, on any invoice remaining unpaid 30 days from the date the invoice is received; and/or</p>	<p>7.7.1 mengenakan faedah, termasuk faedah kompaun, pada kadar tahunan maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, pada mana-mana invois yang masih belum dibayar selepas 30 hari dari tarikh invois diterima; dan/atau</p>

7.7.2 suspend performance in the event that the Client fails, or in YouGov's reasonable opinion it appears that the Client is likely to fail, to make payment when due under this Agreement or any other agreement with YouGov. The Client will be liable for fees charged by collection agencies for overdue invoices.

7.7.2 menggantung pelaksanaan sekiranya Klien gagal, atau pada pendapat munasabah YouGov, kelihatan bahawa Klien berkemungkinan gagal, untuk membuat pembayaran yang perlu dibayar berdasarkan Perjanjian ini atau perjanjian lain dengan YouGov. Klien akan bertanggungjawab untuk bayaran yang dikenakan oleh agensi pemungutan bagi inoivis yang tertunggak.

### 8 Intellectual property rights

8.1 **"Intellectual Property Rights"** means any copyright, invention, database right, trade mark, patent, design right and any other industrial, commercial or intellectual property right existing in any jurisdiction, whether registered or not, and all applications and rights to apply for registration of any such rights.

8.2 As between the parties, any intellectual property rights existing at the date of each Order vest in the party owning those Intellectual Property Rights. YouGov will retain ownership of all Intellectual Property Rights in the YouGov Content comprising: (i) the database of content built, operated and maintained by YouGov ("**YouGov Database**") containing data gathered from members of panels, survey groups and focus groups maintained by YouGov comprising questions put to these members and their replies (the "**Respondent Data**"); and all other data and materials of whatsoever nature in the YouGov Database from time to time, including but not limited to, summary charts, tables, datasets, data analysis and reports; and (ii) any software made available by YouGov to the Client for the purpose of accessing Subscription Products ("**YouGov Software**").

8.3 YouGov grants to the Client a non-exclusive, irrevocable, royalty-free non-sub licensable licence to use the YouGov Content only to the extent that such use is necessary to use the Subscription Products as permitted under this Agreement.

8.4 Subject to YouGov's Intellectual Property Rights in the YouGov Content, any survey reports delivered by YouGov to the Client as part of the Subscription Products and as specified in the Order ("**Client Deliverables**") will be the property of the Client. YouGov grants to the Client a non-exclusive, irrevocable, royalty-free, non-sub licensable licence to use the YouGov Content only to the extent that such use is necessary (i) to use the Subscription Products and, if applicable (ii) to use the Client Deliverables, each as permitted under this Agreement.

### 8 Hak harta intelek

8.1 **"Hak Harta Intelek"** bermaksud mana-mana hak cipta, daya cipta, hak pangkalan data, tanda dagang, paten, hak reka bentuk dan mana-mana hak perindustrian, komersial atau harta intelek lain yang ada dalam mana-mana bidang kuasa, sama ada didaftarkan atau tidak, dan semua permohonan dan hak untuk memohon pendaftaran hak-hak tersebut.

8.2 Antara pihak-pihak, mana-mana hak harta intelek yang wujud pada tarikh setiap Pesanan memberikan hak kepada pihak yang memiliki Hak Harta Intelek tersebut. YouGov akan mengekalkan hak milik ke atas semua Hak Harta Intelek dalam Kandungan YouGov yang terdiri daripada: (i) pangkalan data kandungan yang dibina, dikendalikan dan diselenggara oleh YouGov ("**Pangkalan Data YouGov**") yang mengandungi data yang dikumpulkan daripada ahli panel, kumpulan tinjauan dan kumpulan fokus dikendalikan oleh YouGov yang terdiri daripada pertanyaan yang diajukan kepada ahli-ahli ini dan jawapan mereka ("**Data Responden**"); dan semua data dan bahan lain dalam Pangkalan Data YouGov dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada, carta ringkasan, jadual, set data, analisis data dan laporan; dan (ii) apa-apa perisian yang disediakan oleh YouGov kepada Klien untuk tujuan mengakses Produk Langganan ("**Perisian YouGov**").

8.3 YouGov memberikan kepada Klien lesen bukan eksklusif, tidak boleh dibatalkan, bebas royalti dan lesen yang tidak boleh disub-lesenkan untuk menggunakan Kandungan YouGov hanya setakat bahawa penggunaan tersebut adalah perlu untuk menggunakan Produk Langganan sebagaimana yang dibenarkan di bawah Perjanjian ini.

8.4 Tertakluk kepada Hak Harta Intelek dalam Kandungan YouGov, sebarang laporan tinjauan yang dihantar oleh YouGov kepada Klien sebagai sebahagian daripada Produk Langganan dan sebagaimana yang dinyatakan dalam Pesanan ("**Boleh Serah Klien**") akan menjadi hak milik Klien. YouGov memberikan kepada Klien lesen bukan eksklusif, tidak boleh dibatalkan, bebas royalti, dan lesen yang tidak boleh disub-lesenkan untuk menggunakan Kandungan YouGov hanya setakat bahawa penggunaan tersebut adalah perlu (i) untuk menggunakan Produk langganan dan, jika berkenaan (ii) untuk menggunakan Boleh Serah Klien, setiap satunya sebagaimana yang dibenarkan di bawah Perjanjian ini.

### 9 Confidential Information

9.1 "Confidential Information" means the information (tangible or intangible) exchanged between the parties, which is (i) marked "confidential" or "proprietary" at the time of disclosure by the disclosing party; or (ii) by its nature or content or the circumstances surrounding disclosure is reasonably distinguishable as confidential or proprietary by the receiving party. Confidential Information includes, without limitation, information regarding the disclosing party's technology, designs, techniques, research, know-how, trade secrets, specifications, product plans, pricing, customer information, user data, current or future strategic information, current or future business plans, policies or practices, employee information, and other confidential or proprietary business and technical information.

### 9 Kerahsiaan

9.1 "Maklumat Sulit" bermaksud maklumat (ketara atau tak ketara) yang disaling tukar antara pihak Perjanjian ini, yang (i) bertanda sebagai "sulit" atau "proprietary" pada saat pendedahan oleh pihak yang mendedahkan; atau (ii) oleh sifatnya atau kandungannya atau keadaan di sekitar pendedahan itu dapat dibezakan dengan sewajarnya sebagai sulit atau proprietari oleh pihak penerima. Maklumat Sulit termasuk, tanpa had, maklumat berkenaan teknologi, reka bentuk, teknik, penyelidikan, pengetahuan, rahsia perdagangan, spesifikasi, pelan produk, harga, maklumat pelanggan, data pengguna, maklumat strategi semasa atau akan datang, pelan perniagaan semasa atau akan datang, polisi atau amalan, maklumat pekerja, dan maklumat perniagaan dan teknikal yang sulit atau proprietari lain pihak yang mendedahkan.

9.2 Subject to clause 5.2.1, each of YouGov and the Client will keep confidential and will not disclose to any third party (other than its legal and financial advisors) any Confidential Information relating to the business and/or operations of the other party that is disclosed by or on behalf of the other party. This obligation will not apply to any information that is trivial, was known to the receiving party before disclosure, is in the public domain other than through breach of this clause or is required to be disclosed by a court, regulator or other competent authority or body.

9.2 Tertakluk kepada klausa 5.2.1, YouGov dan Klien, masing-masing akan merahsiakan dan tidak akan mendedahkan kepada mana-mana pihak ketiga (selain daripada penasihat undang-undang dan kewangannya) apa-apa Maklumat Sulit yang berkaitan dengan perniagaan dan/atau operasi pihak lain yang didedahkan oleh atau bagi pihak lain. Kewajipan ini tidak akan terpakai kepada apa-apa maklumat yang remeh, telah diketahui oleh pihak penerima sebelum pendedahan, berada di domain awam selain daripada melalui pelanggaran klausa ini atau perlu didedahkan seperti yang dikehendaki oleh mahkamah, pengawal selia atau pihak berkuasa atau badan kompeten yang lain.

### 10 Data protection

- 10.1 Each party agrees to comply with applicable data protection laws in relation to the Subscription Products.
- 10.2 In the event that a party (as data controller) requires the other party to process its personal data (as data processor) the parties will execute a separate written contract which specifies the nature of the processing due to take place and each party's responsibilities and obligations.
- 10.3 Unless otherwise specified in the Order, Subscription Products do not contain personal data and the Client undertakes that it will not (nor attempt), alone or using a third party, to re-identify any individuals or otherwise create personal data using those materials (whether in combination with other data or otherwise).

### 10 Perlindungan data

- 10.1 Setiap pihak bersetuju untuk mematuhi undang-undang perlindungan data yang berhubung dengan Produk Langganan.
- 10.2 Sekiranya pihak (sebagai pengawal data) menghendaki pihak lain memproses data peribadinya (sebagai pemproses data), pihak-pihak tersebut akan menandatangani suatu kontrak tertulis berasingan yang menentukan sifat pemprosesan yang akan berlaku dan tanggungjawab dan kewajipan setiap pihak.
- 10.3 Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Pesanan, Produk Langganan tidak mengandungi data peribadi dan Klien berjanji bahawa ia tidak akan (atau tidak mencuba), sendirian atau menggunakan pihak ketiga, untuk mengenal pasti semula mana-mana individu atau membuat data peribadi menggunakan bahan-bahan tersebut (sama ada digabungkan dengan data lain atau sebaliknya).

### 11 Exclusions and limitations of liability

- 11.1 Nothing in this Agreement will operate to exclude or limit either party's liability for death or personal injury caused by its negligence, fraud or fraudulent misrepresentation; or either party's liability under any indemnity it gives under this Agreement; or any other liability that cannot be limited or excluded by law.
- 11.2 Subject to clause 11.1, neither party shall be liable for any loss of: data; reputation; goodwill or opportunity; loss of or failure to realise expected profit, revenue, savings or any other form of pure economic loss, whether any such loss is direct or indirect; or form of indirect, special, incidental, punitive or consequential loss or damages and, in each case, however arising.
- 11.3 Subject to clauses 11.1 and 11.2, YouGov's maximum aggregate liability to the Client for all claims (whether arising in contract, tort, breach of statutory duty or otherwise) under an Order or in relation to any Subscription Products, whether in respect of a single event, series of connected events or of unconnected events, shall not exceed an amount equal to one hundred per cent (100%) of the total amount of the fees paid by the Client under the relevant Order in the year in which the claim is made.
- 11.4 YouGov does not predict or assure any particular substantive results of its research in advance and makes no warranty, express or implied, as to the Subscription Products or the results provided, or the suitability of the Subscription Products for the Client's purposes.

### 11 Pengecualian dan penghadan liabiliti

- 11.1 Tiada apa dalam Perjanjian ini yang akan berfungsi untuk mengecualikan atau menghadkan liabiliti salah satu pihak untuk kematian atau kecederaan diri yang disebabkan oleh kecuaiian, penipuan atau penafsiran palsu; atau liabiliti mana-mana pihak di bawah mana-mana ganti rugi yang diberikan di bawah Perjanjian ini; atau mana-mana liabiliti lain yang tidak boleh dihadkan atau dikecualikan oleh undang-undang.
- 11.2 Tertakluk kepada klausa 11.1, kedua-dua pihak tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan: data; reputasi; nama baik atau peluang; kehilangan atau kegagalan untuk merealisasikan jangkaan keuntungan, hasil, simpanan atau apa-apa bentuk kerugian ekonomi tulen yang lain, sama ada kerugian tersebut adalah langsung atau tidak langsung; atau bentuk kerugian atau kerosakan tidak langsung, khas, sampingan, membebankan atau turutan dan, dalam setiap kes, yang timbul dalam apa jua cara.
- 11.3 Tertakluk kepada klausa 11.1 dan 11.2, liabiliti agregat maksimum YouGov kepada Klien untuk semua tuntutan (sama ada timbul dalam kontrak, tort, pelanggaran kewajipan statutori atau selainnya) di bawah Pesanan atau berkaitan dengan mana-mana Produk Langganan, sama ada berkenaan dengan satu peristiwa, rangkaian peristiwa yang berkaitan atau peristiwa yang tidak berkaitan, tidak boleh melebihi jumlah yang sama dengan seratus peratus (100%) daripada jumlah keseluruhan uran yang dibayar oleh Klien di bawah Pesanan yang berkenaan pada tahun tuntutan tersebut dibuat.
- 11.4 YouGov tidak meramalkan atau menjamin sebarang hasil substantif tertentu daripada penyelidikannya terlebih dahulu dan tidak memberikan waranti atau syarat, tersurat atau tersirat, mengenai Produk Langganan atau hasil yang diberikan, atau kesesuaian Produk Langganan untuk tujuan Klien.

<p>11.5 YouGov accepts no liability for any loss suffered by the Client or by any third party (including but not limited to any client or customer of the Client) as a direct or indirect result of its use of any of data or of making any business decision, or refraining from making any such decision, based wholly or partly on the data, expression of opinion, statement or other information provided to the Client as part of the Subscription Products or arising from the interpretation by the Client or any third party of reports or of other data furnished by YouGov and the Client shall indemnify YouGov accordingly.</p>	<p>11.5 YouGov tidak bertanggungjawab atas kerugian yang dialami oleh Klien atau oleh mana-mana pihak ketiga (termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana klien atau pelanggan Klien) sebagai hasil langsung atau tidak langsung daripada penggunaan mana-mana data atau membuat sebarang keputusan perniagaan, atau menahan daripada membuat apa-apa keputusan sedemikian, berdasarkan data sepenuhnya atau sebahagiannya, pernyataan pendapat, kenyataan atau maklumat lain yang diberikan kepada Klien sebagai sebahagian daripada Produk Langganan atau timbul daripada penafsiran mana-mana laporan oleh Klien atau mana-mana pihak ketiga atau data lain yang diberikan oleh YouGov dan Klien akan memberi ganti rugi kepada YouGov dengan sewajarnya.</p>
<p>11.6 The Client shall also indemnify YouGov and its officers, directors, and/ or employees against any loss, damage or other liability (including costs and expenses) suffered as a result of any claim or proceedings arising in connection with the use by, or on behalf of the Client, of YouGov Content the purposes of: (i) comparative advertising claims; (ii) investment offerings; (iii) all litigation, including all costs connected with YouGov serving as an expert witness, where legally required by operation of law; and/or (iv) political lobbying work.</p>	<p>11.6 Klien juga akan memberi ganti rugi kepada YouGov dan pegawai, pengarah, dan/ atau pekerjanya terhadap apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti lain (termasuk kos atau perbelanjaan) yang ditanggung akibat apa-apa tuntutan atau prosiding yang timbul berkaitan dengan penggunaan Kandungan YouGov oleh, atau bagi pihak Klien bertujuan untuk: (i) tuntutan pengiklanan komparatif; (ii) tawaran pelaburan; (iii) semua litigasi, termasuk semua kos yang berkaitan dengan YouGov yang berfungsi sebagai saksi pakar, yang mana dikehendaki secara sah oleh kuat kuasa undang-undang; dan/atau (iv) kerja melobi politik.</p>
<p>11.7 All warranties, guarantees, conditions or representations relating to the Subscription Products other than those expressly set out in these Terms (if any) are excluded to the fullest extent permitted by law, whether express, implied, oral or written.</p>	<p>11.7 Semua waranti, jaminan, syarat atau pernyataan yang berkaitan dengan Produk Langganan selain daripada yang dinyatakan secara jelas dalam Terma ini (jika ada) adalah dikecualikan sepenuhnya setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, sama ada secara tersurat, tersirat, lisan atau bertulis.</p>
<p>11.8 Without prejudice to clause 11.6, and unless required by operation of law, the Client agrees not to call YouGov, its directors, officers and/ or group companies as a witness in any legal proceedings.</p>	<p>11.8 Tanpa menjejaskan klausa 11.6, dan melainkan jika dikehendaki oleh operasi undang-undang, Klien bersetuju untuk tidak memanggil YouGov, pengarahnya, pegawai dan/ atau syarikat kumpulan sebagai saksi dalam mana-mana proses perundangan.</p>

12 Termination and effect of termination	12 Penamatan dan kesan penamatan
<p>12.1 Without affecting any other right or remedy available to it, YouGov may terminate this Agreement with immediate effect by giving written notice to the Client if:</p>	<p>12.1 Tanpa menjejaskan hak atau remedi lain yang ada padanya, YouGov boleh dengan segera menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis kepada Klien sekiranya:</p>
<p>12.1.1 the Client fails to pay any sum due under this Agreement when it falls due;</p>	<p>12.1.1 Klien gagal membayar sejumlah wang yang mesti dibayar di bawah Perjanjian ini apabila tamat tempoh;</p>
<p>12.1.2 in YouGov's reasonable opinion, association with the Client is likely to bring YouGov into disrepute; or</p>	<p>12.1.2 pada pendapat munasabah YouGov, hubungan dengan Klien berkemungkinan menyebabkan YouGov mendapat nama buruk; atau</p>
<p>12.1.3 the Client is acquired by, or itself acquires, a competitor or competing business, of YouGov.</p>	<p>12.1.3 Klien diambil alih oleh, atau ia sendiri mengambil alih, pesaing atau perniagaan yang bersaing dengan YouGov.</p>
<p>12.2 Subject to clause 12.1, either party may terminate this Agreement immediately by giving written notice to the other party if the other party:</p>	<p>12.2 Tertakluk kepada klausa 12.1, mana-mana pihak boleh segera menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak lain sekiranya pihak lain:</p>
<p>12.2.1 commits any material breach of any of this Agreement which cannot be remedied or commits any material breach of this Agreement which can be remedied and fails to remedy that breach within thirty (30) days after notice from the other party giving full particulars of the breach and requiring it to be remedied; or</p>	<p>12.2.1 melakukan pelanggaran material terhadap mana-mana kandungan Perjanjian ini yang tidak dapat dibetulkan, atau melakukan mana-mana pelanggaran material terhadap Perjanjian ini yang boleh dibetulkan dan gagal untuk membetulkan pelanggaran tersebut dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pemberitahuan dari pihak satu lagi yang memberikan butiran penuh pelanggaran dan menghendaki ia dibetulkan; atau</p>

12.2.2	enters into liquidation, whether compulsory or voluntary (except for the purposes of bona fide reconstruction or amalgamation), or compounds with or makes any arrangements with its creditors or makes a general assignment for the benefit of its creditors, or has a receiver, manager, administrative receiver or administrator appointed over the whole or substantially the whole of its undertaking or assets, or if it ceases or threatens to cease to carry on its business, or makes any material change in its business, or if it suffers any analogous process in any jurisdiction.	12.2.2	melakukan pembubaran, sama ada wajib atau sukarela (kecuali untuk tujuan rekonstruksi atau penggabungan bona fide), atau mencapai persetujuan dengan atau membuat sebarang perjanjian dengan pemiutangnya atau membuat penugasan umum untuk kepentingan pemiutang, atau mempunyai penerima, pengurus, penerima pentadbiran atau pentadbir yang dilantik untuk keseluruhan atau sebahagian besar daripada keseluruhan usaha atau asetnya, atau jika ia berhenti atau mengancam untuk berhenti menjalankan perniagaannya, atau membuat perubahan penting dalam perniagaannya, atau jika ia mengalami proses yang serupa dalam mana-mana bidang kuasa.
12.3	The Client is not entitled to terminate the Subscription Products for convenience within the Subscription Term stated on the Order.	12.3	Klien tidak berhak untuk menamatkan Produk Langganan untuk kesenangan dalam Tempoh Langganan yang dinyatakan dalam Pesanan.
12.4	The Client and Authorised Users shall use all reasonable endeavours to permanently delete all stored copies within sixty (60) days following termination or expiry of this Agreement. However, this will not prevent any continued use of any New Materials or Limited Extracts, which were compiled before termination of this Agreement.	12.4	Klien dan Pengguna Berdaftar perlu menggunakan segala usaha yang wajar untuk memadamkan semua salinan yang disimpan dalam masa enam puluh (60) hari setelah penamatan atau habis tempoh Perjanjian ini. Walau bagaimanapun, ini tidak akan menghalang penggunaan berterusan Bahan Baharu atau Ekstrak Terhad yang disusun sebelum penamatan Perjanjian ini.
12.5	Termination of this Agreement shall not affect any rights, remedies, obligations or liabilities of the parties that have accrued up to the date of termination, including the right to claim damages in respect of any breach of this Agreement, which existed at or before the date of termination.	12.5	Penamatan Perjanjian ini tidak akan menjejaskan mana-mana hak, remedi, kewajipan atau liabiliti pihak-pihak yang terakru hingga tarikh penamatan, termasuk hak untuk menuntut ganti rugi sehubungan dengan mana-mana pelanggaran Perjanjian ini, yang telah wujud pada atau sebelum tarikh penamatan.

13 General		13 Umum	
13.1	Force majeure: neither party shall be in breach nor liable for delay in performing, or failure to perform, any of its obligations under this Agreement (other than the Client's obligation to pay fees due) if such delay or failure results from events, circumstances or causes beyond its reasonable control, including but not limited to, diseases, epidemics or pandemics.	13.1	Force majeure: tidak ada pihak yang melanggar atau bertanggungjawab atas kelewatan dalam melaksanakan, atau kegagalan untuk melaksanakan, mana-mana kewajibannya di bawah Perjanjian ini (selain kewajipan Klien untuk membayar yuran yang perlu dibayar) jika kelewatan atau kegagalan tersebut disebabkan oleh peristiwa, keadaan atau sebab-sebab di luar kawalan yang munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada, penyakit, epidemik atau pandemik.
13.2	Publicity: YouGov shall have the right to make any press announcement or statement in connection with this Agreement and respond to any request to make the same.	13.2	Publisiti: YouGov berhak untuk membuat sebarang pengumuman atau pernyataan akhbar yang berkaitan dengan Perjanjian ini dan menjawab mana-mana permintaan untuk melakukan perkara yang sama.
13.3	Assignment: the rights and obligations of the Client may not be transferred to any other person, without YouGov's prior written consent. YouGov may at any time assign, subcontract, delegate, otherwise transfer, or deal in any other manner with any or all of its rights and obligations under this Agreement.	13.3	Penyerahan: hak dan kewajipan Klien tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana orang lain, tanpa persetujuan bertulis dari YouGov terlebih dahulu. YouGov pada bila-bila masa boleh menyerahkan, membuat subkontrak, selain itu memindahkan atau berurusan dengan cara lain dengan mana-mana atau semua hak dan kewajibannya di bawah Perjanjian ini.
13.4	No third party rights: no third party may enforce any provisions of this Agreement.	13.4	Tiada hak pihak ketiga: tidak ada pihak ketiga yang boleh menguatkuasakan mana-mana peruntukan Perjanjian ini.
13.5	Local laws: each party shall comply with locally applicable laws and any requests from legal authorities in relation to this Agreement or any Order. The terms of this Agreement shall apply to the maximum extent permitted by local laws. The invalidity or unenforceability of any part of this Agreement does not entail the invalidity of the entire agreement.	13.5	Undang-undang tempatan: setiap pihak harus mematuhi undang-undang tempatan yang berkenaan dan apa-apa permintaan daripada pihak berkuasa undang-undang yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau mana-mana Pesanan. Syarat-syarat Perjanjian ini akan terpakai setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan. Ketidaksahan atau ketidakkuatkuasaan mana-mana bahagian dalam Perjanjian ini tidak menyebabkan ketidaksahan keseluruhan perjanjian.
13.6	Authorised signatory: the Client confirms that the person signing the Order is authorised to sign and bind the Client.	13.6	Penandatanganan yang diberi kuasa: Klien mengesahkan bahawa orang yang menandatangani Pesanan diberi kuasa untuk menandatangani dan mengikat Klien.



<p>13.7 Survival: the rights and obligations of the parties under sections titled Confidential Information, Termination and effect of termination, Intellectual Property Rights, Data Protection, Fees and payment, Publication approval service, General and Governing Law and jurisdiction shall survive the expiration or termination of this Agreement.</p>	<p>13.7 Kekekalan: hak dan kewajiban pihak-pihak di bawah bahagian yang bertajuk Maklumat Sulit, Penamatan dan kesan penamatan, Hak Harta Intelek, Perlindungan Data, Yuran dan pembayaran, Perkhidmatan kelulusan penerbitan, Umum dan Undang-undang dan bidang kuasa yang mengawal akan bertahan selepas Perjanjian ini habis tempoh atau tamat.</p>
<p>13.8 Relationship of the parties: The relationship of parties established by this Agreement shall be that of independent contractors and nothing contained in this Agreement shall be construed to constitute the parties as principal and agent, employer and employee, franchisor and franchisee, partners, co-owners or otherwise as participants in a joint venture or common undertaking.</p>	<p>13.8 Hubungan pihak-pihak: Hubungan pihak-pihak yang dibentuk oleh Perjanjian ini hendaklah hubungan kontraktor bebas dan tidak ada yang terkandung dalam Perjanjian ini yang akan ditafsirkan sebagai melantik pihak-pihak sebagai prinsipal dan ejen, majikan dan pekerja, pemberi francais dan pemegang francais, rakan kongsi, pemilik bersama atau selain itu sebagai peserta dalam usaha sama atau perusahaan bersama.</p>
<p>13.9 Non-reliance: The Client acknowledges that it is not entering into this Agreement in reliance on any statements, representations or promises not expressly included within this Agreement.</p>	<p>13.9 Tidak bergantung: Klien mengakui bahawa ia tidak memasuki Perjanjian ini dengan bergantung kepada mana-mana pernyataan, kenyataan atau janji yang tidak terangkum secara jelas dalam Perjanjian ini.</p>
<p>13.10 Notices: Notices or any other communications required or permitted under this Agreement shall be given in writing, in English, and delivered by (i) hand in person to the registered address of a party, or (ii) e-mail followed by a registered mail (return receipt requested) or international reputable courier delivery addressed to the relevant party and shall then be deemed to have been duly received by the recipient.</p>	<p>13.10 Notis: Pemberitahuan atau komunikasi lain yang diperlukan atau dibenarkan di bawah Perjanjian ini perlu diberikan secara bertulis, dalam bahasa Inggeris, dan dihantar melalui (i) serahan tangan ke alamat berdaftar pihak, atau (ii) e-mel diikuti dengan surat berdaftar (resit pengembalian diminta) atau penghantaran kurier terkemuka antarabangsa yang dialamatkan kepada pihak yang berkenaan dan kemudian akan dianggap telah diterima seperti yang sepatutnya oleh penerima.</p>

14 Governing law and jurisdiction			14 Undang-undang dan bidang kuasa yang mengawal		
The governing law and jurisdiction: the governing law and venue for resolution of any dispute arising under this Agreement will be as follows:			Undang-undang dan bidang kuasa yang mengawal: undang-undang yang mengawal dan tempat penyelesaian setiap pertikaian yang timbul di bawah Perjanjian ini adalah seperti berikut:		
YouGov Company country of registration	Applicable Governing Law	Jurisdiction	Negara pendaftaran Syarikat YouGov	Undang-Undang Pentadbiran yang Berkenaan	Bidang Kuasa
<b>Americas</b>			<b>Amerika</b>		
United States of America	New York	New York State	Amerika Syarikat	New York	Negeri New York
Canada	Canada	Canada	Kanada	Kanada	Kanada
Brazil	England and Wales	England and Wales	Brazil	England dan Wales	England dan Wales
<b>Europe</b>			<b>Eropah</b>		
United Kingdom	England and Wales	England and Wales	United Kingdom	England dan Wales	England dan Wales
Belgium, France, Germany, Italy, Netherlands, Spain, Turkey	England and Wales	England and Wales	Belgium, Perancis, Jerman, Itali, Belanda, Sepanyol, Turki	England dan Wales	England dan Wales
<b>Nordics</b>			<b>Negara-negara Nordik</b>		
Denmark, Finland, Norway, Sweden	England and Wales	England and Wales	Denmark, Finland, Norway, Sweden	England dan Wales	England dan Wales
<b>Asia Pacific</b>			<b>Asia Pasifik</b>		
Indonesia, Malaysia, Philippines, Singapore, Taiwan, Thailand, Vietnam	England and Wales	England and Wales	Indonesia, Malaysia, Filipina, Taiwan, Thailand, Vietnam	England dan Wales	England dan Wales
Hong Kong	Hong Kong S.A.R.	Hong Kong S.A.R.	Hong Kong	Kawasan Pentadbiran Khas Hong Kong	Kawasan Pentadbiran Khas Hong Kong
China	The People's Republic of China	Shanghai Free Trade Zone	China	Republik Rakyat China	Zon Perdagangan Bebas Shanghai
Singapore	Singapore	Singapore	Singapura	Singapura	Singapura
<b>Australia &amp; New Zealand</b>			<b>Australia &amp; New Zealand</b>		
Australia, New Zealand	England and Wales	England and Wales	Australia, New Zealand	England dan Wales	England dan Wales
<b>Middle East &amp; India</b>			<b>Timur Tengah &amp; India</b>		
UAE, Saudi Arabia, India	England and Wales	England and Wales	Emiriah Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi, India	England dan Wales	England dan Wales
<b>Other</b>			<b>Lain-lain</b>		
Any other country	England and Wales	England and Wales	Mana-mana negara lain	England dan Wales	England dan Wales

15 Language		15 Bahasa	
15.1	These terms and conditions are drafted in the English language and in Malay.	15.1	Terma-terma dan syarat-syarat ini digubal dalam bahasa Inggeris dan dalam Bahasa Malaysia.
15.2	The English language version of this Agreement shall prevail if there is a conflict.	15.2	Versi bahasa Inggeris Perjanjian ini akan mengatasi sekiranya terdapat konflik